



TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA

DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH,

MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MAJLIS BERTHARI RAYABERSAMA ANAK-ANAK YATIM

ANJURAN

PERSATUAN PERSAHABATAN BRUNEI – CHINA (BCFA)

HARI AHAD,

26 SYAWAL 1432 /25 SEPTEMBER 2011

DEWAN SONGKET, TINGKAT 4,

RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL, GADONG

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiyaiee

Saidina Wal Mursalin , Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Mulia Dr Hj Kamaruddin bin Dato Seri Paduka Hj Talib, Yang Di Pertua
Persatuan Persahabatan Brunei – China (BCFA), selaku Pengerusi Majlis;

Yang AmatMulia, Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji
Mohd Yussof, PenolongKanan Yang DiPertua Adat Istiadat Negara.

Yang Mulia Datin Paduka Hjh Adina binti Othman,

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan;

Yang Mulia Dato Paduka Hj Mohd Hamid bin Hj Mohd Jaafar

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan;

Yang Mulia Pegawai-pegawai Kanan, Ahli-ahli Persatuan Persahabatan Brunei -
China (BCFA), Anak-anak Yatim yang diraikan,

Para ibubapa / Penjaga;

Hadirin serta hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua hadirin, hadirat dan khususnya kepada anak-anak yatim yang diraikan sekalian.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua kita dapat berkumpul di majlis yang berkebajikan pada petang ini iaitu Majlis Berhari Raya Bersama Anak-anak Yatim anjuran Persatuan Persahabatan Brunei – China (BCFA).

Kepada Yang Di Pertua dan semua ahli Persatuan Persahabatan Brunei – China, saya mengucapkan terimakasih kerana telah menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyampaikan derma kepada anak-anak yatim yang diraikan pada petang ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya sukacita merakamkan penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada Persatuan Persahabatan Brunei – China diatas sumbangan dan usaha mengendalikan Majlis yang amat berkebajikan ini. Ini jelas membuktikan komitmen dan sokongan Persatuan ini kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama memberikan pemedulian kepada hal ehwal

kebajikan anak-anak yatim dinegara ini. Mudah-mudahan sumbangan yang berkebajikan dan ikhlas Persatuan ini akan mengutuhkan lagi kewujudan dan peranan Persatuan Persahabatan Brunei-China disamping mendapat ganjaran balasan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang setimpal.

Saya amat berbangga sekali dengan penglibatan serta usaha yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Persahabatan Brunei – China. Dalamana, Persatuan ini bukan sahaja bergiat aktif dalam bidang ekonomi, malah juga sama-sama berganding bahu dengan pihak Kerajaan dalam mengembangkan kegiatan sosial dan sukan di Negara Brunei Darussalam termasuk juga dalam menangani kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim seperti majlis kita petang ini.

Di bidang sukan dan kebeliaan adalah sangat di hargai sumbangan yang dihulurkan seperti pembelian peralatan kepada Pusat Pembangunan Belia, aktif dalam penganjuran sukan-sukan seperti Wushu, Rugby, dan basketball dan sebagai fasilitator mengenal pasti jurulatih-jurulatih sukan dari Republik Rakyat China.

Pada petang ini, saya difahamkan seramai 200 orang anak yatim dari Daerah Brunei Muara akan menerima sumbangan hari raya. Kepada anak-anak yatim yang menerima bantuan khususnya penjaga-penjaga mereka, saya penuh berharap agar sumbangan ini nanti akan dapat dipergunakan dengan sebaiknya, khususnya

untuk membeli peralatan persekolahan dan jangan sekali-kali membazirkannya dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di -
Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil perhatian yang berat keatas pendidikan dan mengembangkan potensi setiap kanak-kanak yatim dinegara ini, terutamanya dari segi pendidikan agar mereka semua membesar menjadi seorang dewasa yang berpendidikan dan berakhlak mulia dan seterusnya dapat berjasa dan menabur bakti kepada bangsa dan negara.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

Menyayangi dan memelihara anak yatim adalah merupakan perkara yang dituntut dalam Islam dan ia juga merupakan sebagai kewajiban social keatas setiap anggota masyarakat samada secara individu, berkumpulan ataupun berpersatuan. Ini juga adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (Convention On the Rights of the Child – CRC) yang telah pun diterima oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 November 1989. Konvensyen berkenaan menekankan akan kepentingan pemberian penjagaan dan perlindungan yang terbaik bagi kanak-kanak tanpa mengira bangsa, jantina, agama, kelahiran atau taraf ibubapa dan penjaga nya, termasuklah anak – anak yatim.

Di Negara Brunei Darussalam, pelbagai inisiatif telah diungkayahkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan (NGO's) dalam membantu anak yatim di negara ini yang boleh di jadi kansebagai saluran untuk memberikan bantuan kepada anak-anak yatim oleh rakyat dan penduduk. Antaranya ialah penubuhan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim; Penubuhan Tabung Anak Yatim Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM); Penubuhan Tabung Anak Yatim disemua keempat-empat daerah; Projek SMS Brunei Prihatin yang diungkayahkan bersama Syarikat DST, B-Mobile dan RTB dan sebagainya. Disamping itu terdapat juga Pemberian Skim hadiah galakan Pelajar Cemerlang untuk anak-anak yatim yang di kendalikan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)dan Kumpulan Syarikat-Syarikatnya.

Akhirnya, sekali lagi sayamengucapkan terimakasih kepada Yang Dipertua dan semua ahli Persatuan Persahabatan Brunei – China diatas sumbangan dan usaha-usaha yang diungkayahkan dalam mengendalikan Majlis berkebajikan ini. Semoga Persatuan ini akan terus maju dan memperolehi kejayaan. Saya juga penuh berharap agar Persatuan Persahabatan Brunei – China ini akan dapat meneruskan usaha-usaha seumpama ini dimasa-masa akan datang.

Sekian dan Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

